



SIARAN MEDIA

KPKT PERKUKUH PERANCANGAN BELANJAWAN 2026 MELALUI SESI LIBAT URUS BERSAMA PEMEGANG TARUH

PUTRAJAYA, 19 OGOS 2025 – Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah menganjurkan **Sesi Libat Urus Inisiatif Belanjawan 2026 Bersama Pemegang Taruh KPKT** di Dewan Kristal, KPKT, Putrajaya pagi ini. Sesi ini dipengerusikan oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Tuan Nga Kor Ming (YB KM).

Penganjuran sesi ini bertujuan mengumpul pandangan dan cadangan daripada pihak berkepentingan yang terlibat secara langsung dengan KPKT dalam merangka Inisiatif Belanjawan 2026. Fokus utama perbincangan adalah meliputi sektor perumahan yang selesa dan mampu milik, pengurusan sisa pepejal yang lestari, kesiapsiagaan menghadapi bencana, kemampunan bandar dan komuniti serta pemerkasaan perkhidmatan kerajaan tempatan. KPKT juga memberi fokus kepada usaha meningkatkan kesejahteraan hidup serta kebajikan rakyat dan seterusnya merangsang pertumbuhan ekonomi negara.

Seramai **330 pemegang taruh** hadir mewakili pelbagai sektor termasuk pemaju perumahan, Badan Bukan Kerajaan (NGO), syarikat swasta, persatuan komuniti, pihak universiti serta agensi-agensi Kerajaan. Input dan maklum balas yang diperolehi akan menjadi rujukan penting KPKT dalam merangka cadangan Inisiatif Belanjawan 2026 yang lebih komprehensif serta memberi impak langsung kepada kesejahteraan rakyat.

Menurut YB KM, “Sesi libat urus ini merupakan platform penting bagi KPKT untuk mendapatkan idea baharu dan cadangan bernas daripada pemegang taruh. Inisiatif Belanjawan 2026 yang dirangka perlu menepati ekspektasi rakyat. KPKT bertekad memastikan suara hati rakyat bukan sekadar didengar, tetapi diterjemahkan kepada tindakan dan keberhasilan nyata yang meningkatkan kualiti hidup rakyat. Bukan sekadar perancangan di atas kertas, bukan retorik di pentas bicara, tetapi hasil yang menjamin kelangsungan hidup lestari”.

Belanjawan 2026 akan berteraskan tiga (3) prinsip utama iaitu:

1. **Menaikkan siling potensi ekonomi negara** melalui pelaburan strategik dalam sektor bernilai tinggi dan berteknologi;
2. **Menaikkan lantai taraf hidup rakyat** dengan penekanan kepada pendidikan, kesihatan dan perlindungan sosial; dan
3. **Memacu pembaharuan dan tadbir urus yang baik** bagi memastikan perkhidmatan awam yang moden, berintegriti dan cekap.

Dengan tema “**Memacu Ekonomi MADANI, Memperkasa Rakyat**”, Belanjawan 2026 bukan sahaja menyokong pertumbuhan ekonomi negara, malah turut menjamin kesejahteraan serta keadilan sosial untuk seluruh rakyat Malaysia.

Turut hadir dalam majlis ini ialah Timbalan Menteri, YB Datuk Hajah Aiman Athirah binti Sabu; Ketua Setiausaha, YBhg. Datuk Wira M Noor Azman bin Taib yang turut bertindak sebagai moderator serta barisan pengurusan tertinggi KPKT.

Majlis Sesi Libat Urus ini diyakini dapat memperkukuh sistem penyampaian perkhidmatan KPKT selaras dengan gagasan Malaysia MADANI, sekali gus memastikan perkhidmatan yang lebih cemerlang dan inklusif untuk rakyat.

#MalaysiaMADANI
#Kesejahteraan
#StrongerTogether
#DemiPertiwi
#UnityInDiversity
#Belanjawan2026
#EkonomiMADANI
#RancakkanMADANI

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan (8) Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my

